

MANA LESEN KAMU?

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

136,448 warga asing direkodkan lakukan pelbagai kesalahan jalan raya sejak 2019

Shah Alam

Langsung tidak hormat undang-undang negara ini. Ia dibuktikan apabila seramai 136,448 warga asing direkodkan melakukan pelbagai kesalahan jalan raya di seluruh negara membabitkan 143,630 notis saman sejak 2019 hingga 23 Jun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Operasi) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Aedy Fady Ramli berkata, antara-kesalahan utama dikesan adalah tiada lesen memandu, lesen memandu tamat tempoh serta tiada Lesen Kenderaan Motor (LKM).

“Di Selangor, seramai 566 warga asing dikesan melakukan kesalahan sama dengan 6,851 notis dikeluarkan oleh JPJ,” katanya selepas Op Pemandu Warga Asing (Pewa) di Persiaran Budiman, Seksyen 25 di sini, semalam.

Operasi yang turut disertai Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu bermula pada jam 8 pagi dengan memfokuskan pemandu warga asing di kawasan Seksyen 25, Taman Sri Muda.

Aedy berkata, pada operasi itu sebanyak 714 pelbagai kenderaan diperiksa



AEDY (kiri) memeriksa motosikal yang disita dalam Op Pewa di Persiaran Budiman, Seksyen 25, Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR



dan 132 notis saman dikeluarkan terhadap warga asing.



“Sehingga jam 5 petang semalam, JPJ menyita 22 kenderaan iaitu 19 motosikal, dua lori dan sebuah kereta dipandu warga asing atas pelbagai kesalahan”

Aedy Fady Ramli

“Sehingga jam 5 petang semalam, JPJ menyita 22 kenderaan iaitu 19 motosi-

kal, dua lori dan sebuah kereta dipandu warga asing atas pelbagai kesalahan.

“Untuk makluman, kami memfokuskan di kawasan ini berikutan ia adalah lokasi ‘panas’ dihuni warga asing,” katanya.

Mengulas lanjut, Aedy berkata, rata-rata kenderaan yang disita dimiliki warga tempatan dan tindakan mahkamah akan diambil mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Katanya, operasi berkenaan akan sentiasa diteruskan pasukan JPJ di seluruh negara dari semasa ke semasa.



ANGGOTA JPJ melakukan pemeriksaan lesen penunggang motosikal dalam Op Pewa.



SEBAHAGIAN motosikal yang disita JPJ ketika Op Pewa.